



22 Ogos 2011
22 August 2011
P.U. (A) 288

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(PENGAGIHAN PERBELANJAAN, KOS ATAU KERUGIAN)
2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(ALLOCATION OF EXPENSES, COSTS OR LOSSES)
ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(PENGAGIHAN PERBELANJAAN, KOS ATAU KERUGIAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(2) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pengagihan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) 2011**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2011.

Perbelanjaan, kos atau kerugian umum sistem insurans deposit

2. Jika perbelanjaan, kos atau kerugian dapat dihubungkan dengan sistem insurans deposit tetapi tidak dapat dihubungkan secara khusus dengan kumpulan wang atau kumpulan-kumpulan wang tertentu dalam sistem itu, Perbadanan hendaklah mengagihkan perbelanjaan, kos atau kerugian itu seperti yang berikut:

(a) berkenaan dengan tahun taksiran 2011, mengikut perkadaran amaun premium yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang masing-masing dalam sistem insurans deposit dalam tahun taksiran 2011; dan

(b) berkenaan dengan setiap tahun taksiran berikutan tahun taksiran 2011, mengikut perkadaran amaun premium yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang masing-masing dalam sistem insurans deposit dalam tahun taksiran yang sebelumnya.

Perbelanjaan, kos atau kerugian umum sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans

3. Jika perbelanjaan, kos atau kerugian dapat dihubungkan dengan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans tetapi tidak dapat dihubungkan secara khusus dengan kumpulan wang atau kumpulan-kumpulan wang perlindungan takaful atau insurans dalam sistem itu, Perbadanan hendaklah mengagihkan perbelanjaan, kos atau kerugian itu seperti yang berikut:

- (a) berkenaan dengan tahun taksiran 2011, mengikut perkadaran amaun premium yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang perlindungan takaful dan insurans masing-masing dalam sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dalam tahun taksiran 2011; dan
- (b) berkenaan dengan setiap tahun taksiran berikutan tahun taksiran 2011, mengikut perkadaran amaun premium yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang perlindungan takaful dan insurans masing-masing dalam sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dalam tahun taksiran yang sebelumnya.

Perbelanjaan, kos atau kerugian umum sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans

4. Jika perbelanjaan, kos atau kerugian tidak dapat dihubungkan secara khusus sama ada dengan sistem insurans deposit atau sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans, Perbadanan hendaklah mengagihkan perbelanjaan, kos atau kerugian itu seperti yang berikut:

- (a) berkenaan dengan tahun taksiran 2011, mengikut perkadaran amaun premium yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang masing-masing dalam sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dalam tahun taksiran 2011; dan

- (b) berkeenaan dengan setiap tahun taksiran berikutan tahun taksiran 2011, mengikut perkadaran amaun premium yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang masing-masing dalam sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dalam tahun taksiran yang sebelumnya.

Dibuat 11 Ogos 2011
[PIDM/PN/6/2011; PN(PU2)689]

TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ BIN HAJI TAHA
Pengerusi
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (ALLOCATION OF EXPENSES,
COSTS OR LOSSES) ORDER 2011

IN exercise of the powers conferred by subsection 28(2) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Corporation makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Allocation of Expenses, Costs or Losses) Order 2011**.

(2) This Order shall have effect from the assessment year of 2011.

Common expenses, costs or losses of the deposit insurance system

2. Where expenses, costs or losses are attributable to the deposit insurance system but cannot be specifically attributed to a particular deposit insurance fund or funds in the system, the Corporation shall allocate these expenses, costs or losses as follows:

(a) with respect to the assessment year of 2011, in proportion to the amount of the premiums collected for the respective funds in the deposit insurance system in the assessment year of 2011; and

(b) with respect to each assessment year following the assessment year of 2011, in proportion to the amount of the premiums collected for the respective funds in the deposit insurance system in the preceding assessment year.

Common expenses, costs or losses of the takaful and insurance benefits protection system

3. Where expenses, costs or losses are attributable to the takaful and insurance benefits protection system but cannot be specifically attributed to a particular takaful or

insurance protection fund or funds in the system, the Corporation shall allocate these expenses, costs or losses as follows:

- (a)* with respect to the assessment year of 2011, in proportion to the amount of premiums collected for the respective takaful and insurance protection funds in the takaful and insurance benefits protection system in the assessment year of 2011; and
- (b)* with respect to each assessment year following the assessment year of 2011, in proportion to the amount of premiums collected for the respective takaful and insurance protection funds in the takaful and insurance benefits protection system in the preceding assessment year.

Common expenses, costs or losses of the deposit insurance system and the takaful and insurance benefits protection system

4. Where expenses, costs or losses cannot be specifically attributed to either the deposit insurance system or the takaful and insurance benefits protection system, the Corporation shall allocate these expenses, costs or losses as follows:

- (a)* with respect to the assessment year of 2011, in proportion to the amount of premiums collected for the respective funds in the deposit insurance system and the takaful and insurance benefits protection system in the assessment year of 2011; and
- (b)* with respect to each assessment year following the assessment year of 2011, in proportion to the amount of premiums collected for the respective funds in the deposit insurance system and the takaful and insurance benefits protection system in the preceding assessment year.

Made 11 August 2011
[PIDM/PN/6/2011; PN(PU2)689]

TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ BIN HAJI TAHA
Chairman
Malaysia Deposit Insurance Corporation